

## "Check list "Berintegriti kah kita?

**INTEGRITI** - mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka adalah kejujuran dan ketulusan, kesempurnaan dan keutuhan. Ia juga merangkumi keikhlasan, keterbukaan, amanah, berpegang kepada prinsip, sukar dipengaruhi dan boleh dipercayai.

Bagi individu yang memegang amanah yang menjawat jawatan awam, integriti bermaksud melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan menurut kepentingan umum. Penjawat jawatan itu tidak boleh menyalahgunakan kuasanya untuk kepentingan diri, keluarga, saudara mala atau kaum kerabat sendiri. Apabila berlaku konflik kepentingan, ia mestilah diselesaikan dengan memberi keutamaan kepada kepentingan awam. Dengan demikian penjawat itu perlu telus dan tulus, harus memikul pertanggungjawaban terhadap ketuanya, orang di bawahnya dan kepada pihak lain.

Mengikut Institut Integriti Malaysia (2004), integriti merujuk kepada kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu kepada individu dan organisasi. Integriti berkait rapat dengan etika. Integriti perlulah berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari

**AKAUNTABILITI** - bertanggungjawab terhadap amanah yang telah diberikan yang wajib dilaksana dengan sempurna. Seseorang itu perlu bertanggungjawab atas segala perbuatan dan keputusan yang telah dibuatnya.

### Ikrar Integriti :

- Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika jabatan;
- Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba untuk menggugatkan integriti dan imej pegawai awam;
- Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.

Dipetik oleh: Jamaidah Yahya

Integriti sungguh mendalam maknanya, sungguh indah sebutannya tetapi tanyalah diri sendiri, berintegritikah diri ini? Adakah kita berlaku jujur, ikhlas dan amanah dalam tindakan, tutur kata dan perbuatan sama ada kita diperhati atau apabila kita bersendiri? Mudahkah kita menggadai maruah dan prinsip apabila dipujuk, digoda dan dirayu atau apabila disogokkan dengan pelbagai hadiah dan juga rasuah? Ya..jawapannya mudah sekali iaitu apabila berada di mana sahaja walaupun orang lain tidak memandang dan melihat apa yang kita lakukan tetapi ingatlah Allah Maha Mengetahui. Oleh itu dalam apa jua keadaan, amanahlah pada diri sendiri.

Dalam melayari kehidupan di dunia ini, kita amat memerlukan ilmu pengetahuan agar tindakan kita tidak tersasar dari landasan yang betul. Integriti sebenarnya mudah difahami dan dihayati. Ianya berkisar tentang harga dan nilai diri dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Yang penting, apa yang dikata hendaklah dikota; apabila bercakap hendaklah dengan hormat; apabila berkata hendaklah yang benar belaka; apabila berjanji hendaklah ditepati, apabila menerima sesuatu ucapanlah terima kasih; dan apabila meminjam barang hendaklah dipulangkan. Ingatlah hak orang bukan hak kita dan kehidupan kita di dunia hanya sementara.

Justeru amanah yang diberi usah dipersia. Amanah menjadi tunjang kepada integriti yang disulami dengan keikhlasan hati dan bukan berlaku baik apabila diperhati sahaja. Kita perlu bijak mengawal diri, sentiasa berhati-hati dan waspada dalam gerak geri dan tutur kata, serta teliti dalam tindakan kerana amanah yang dipertanggungjawabkan amat berat untuk dilaksanakan. Sesungguhnya, yang paling dekat dengan kita ialah mati, yang paling jauh meninggalkan kita ialah masa, cabaran yang paling besar ialah nafsu dan yang paling berat pula ialah memegang amanah.

Kita perlu menjaga integriti, demi :-

- Maruah diri kita
- Maruah keluarga
- Maruah profesion & organisasi
- Maruah bangsa dan agama
- Maruah negara